



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

## TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN  
PROGRAM KEMBARA ILMU INI KHAZANAH KITA**

**24 OGOS 2024 (SABTU)**

**9.00 MALAM**

**PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH (PNS)**

## **Salam Perpaduan danSalam Malaysia MADANI.**

### **SALUTASI**

*\*Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

### **PENDAHULUAN**

1. Pertama kali, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Negeri Sabah serta warga Perpustakaan Desa atas penganjuran **Program Kembara Ilmu Ini Khazanah Kita**.
  
2. Sebagai usaha berterusan bagi memupuk budaya membaca, pelbagai program turut telah dilaksanakan. Statistik Perpustakaan Negara Malaysia menunjukkan, sepanjang tahun 2023 sehingga Jun 2024, sebanyak **93,797 program pembudayaan galakan membaca** telah dilaksanakan di seluruh negara dengan jumlah penyertaan sebanyak **3,290,958 orang**.
  
3. Kementerian melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) komited dalam memberikan perkhidmatan maklumat kepada orang awam melalui penyediaan pelbagai bahan bacaan termasuk bahan bercetak dan bahan digital. **Laporan Perangkaan Tahunan PNM 2023 menunjukkan PNM telah membuat perolehan sekurang-kurangnya 6 juta bahan** termasuk bahan bercetak, bahan digital dan manuskrip Melayu.

4. Bagi tempoh lima tahun mendatang, Perpustakaan Negara Malaysia **telah membangunkan Pelan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia 2024 – 2028** dengan tumpuan khusus berkenaan budaya membaca dinyatakan dalam Teras Strategik 3 iaitu Pengukuhan Pembudayaan Ilmu ke Arah Pembelajaran Sepanjang Hayat. Sebanyak 50 program utama galakan membaca dan pembudayaan ilmu telah dikenalpasti dengan hasrat melahirkan masyarakat MADANI yang berilmu pengetahuan, (*knowledge based society*) bersatu padu, berbudaya nilai tinggi dan menyokong penuh gagasan Dekad Membaca Kebangsaan yang bermatlamat menjadikan **Malaysia sebagai Negara Pembaca menjelang tahun 2030** serta Dasar Perpaduan Negara 2021-2030.

5. Membaca membawa kita melangkah ke dunia yang berbeza, memupuk empati dan penghargaan terhadap ragam pengalaman rakyat Malaysia pelbagai kaum yang menjadikan Malaysia begitu istimewa. Pelaksanaan program ini juga selari dengan matlamat Perpustakaan Negara Malaysia iaitu memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat ke arah mewujudkan masyarakat berbudaya membaca dan cintakan ilmu.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

#### **PAMERAN DIGITAL @ KERETA API**

6. Dalam era digital, generasi muda cenderung mencari maklumat melalui internet, peranti elektronik, dan e-buku, mengurangkan daya tarikan perpustakaan fizikal. Perpustakaan perlu memahami perubahan itu dan menyelaraskan perkhidmatannya dengan

teknologi terkini untuk kekal relevan dalam memenuhi keperluan generasi masa kini. **Keberkesanan perpustakaan masa depan bergantung kepada kemampuannya untuk mengintegrasikan teknologi terkini dalam perkhidmatannya.** Ini mungkin merangkumi pembangunan platform digital, peningkatan dalam perkhidmatan dalam talian, dan pendekatan inovatif dalam menyampaikan maklumat.

7. Untuk makluman semua, Pameran digital yang diadakan di dalam kereta api pada pagi telah mencatatkan rekod dalam *Malaysia Book of Record* sebagai pameran digital pertama yang diadakan di dalam gerabak kereta api.
8. Melalui pameran ini, kita berpeluang menyaksikan bagaimana teknologi boleh digunakan untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran. **Penggunaan teknologi realiti maya (VR) dan realiti tambahan (AR)** dalam pameran ini telah memberikan pengalaman yang luar biasa kepada para pengunjung, terutama generasi muda, yang sering kali lebih cenderung kepada penggunaan teknologi dalam kehidupan seharian mereka.
9. Pengalaman menaiki kereta api dari Stesen Keretapi Tanjung Aru ke Stesen Keretapi Papar telah memberikan kita peluang untuk menghayati keindahan alam semula jadi Sabah sambil menikmati pameran yang penuh informasi. Saya percaya, pameran ini telah berjaya mencetuskan minat yang mendalam dalam kalangan pengunjung untuk mengetahui lebih lanjut tentang warisan budaya negeri ini.

10. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengumumkan bahawa kementerian akan melanjutkan tempoh pameran ini mulai **24 Ogos hingga 5 September 2024**. Kementerian juga menjangkakan pameran digital ini akan menarik minat sehingga lebih **10,000 orang pengunjung**.

11. **Model Kyoiku Toshokan di Jepun** menunjukkan bagaimana perpustakaan digunakan oleh pelajar di semua peringkat pendidikan. Fokus pada pembelajaran aktif dan pembangunan kemahiran membaca melalui program-program unik, seperti kelas membaca bersama dan permainan pembelajaran, menjadikan perpustakaan sebagai sebahagian penting dalam pengalaman pembelajaran pelajar. Saya juga berharap agar semua pihak tidak kira perpustakaan peringkat persekutuan, negeri maupun komuniti untuk mengambil inspirasi daripada model tersebut dengan merancang program-program yang sesuai.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

### **PROGRAM ETIE ADAT TOKOU**

12. Pada hari ini juga, kita turut telah menyaksikan satu lagi acara yang tidak kurang hebatnya, iaitu **Kenduri Rakyat** dan program **Etie Adat Tokou**. Program “**Etie Adat Tokou**” yang bermaksud “**Ini Budaya Kita**” adalah satu lagi acara yang mencerminkan usaha kita untuk memelihara dan mempromosikan warisan budaya tempatan. Etie adat tokou, yang merujuk kepada adat resam dan tradisi masyarakat tempatan, adalah sesuatu yang sangat berharga dan perlu dilestarikan.

13. Acara ini bukan sahaja sebagai satu majlis penyediaan makanan dan makan bersama komuniti dan makan bersama semata-mata tetapi sebahagian usaha Kementerian dalam meningkatkan semangat perpaduan dan semangat kebersamaan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang agama, kaum dan budaya. Program tersebut juga memberikan peluang kepada kita untuk lebih mengenali antara satu sama lain, **mengeratkan silaturahim, dan merapatkan jurang perbezaan yang mungkin wujud.**

## **PENUTUP**

14. Sebagai penutup, izinkan saya untuk mengingatkan diri kita semua bahawa program seperti ini bukan sahaja tentang mencipta rekod atau memperkenalkan inovasi, tetapi juga tentang memupuk semangat kebersamaan, menghargai warisan budaya dan mempersiapkan generasi akan datang dengan nilai-nilai murni yang kita warisi daripada nenek moyang kita.
15. Saya berharap, program ini akan menjadi inspirasi kepada kita semua untuk terus berusaha dalam memelihara dan mempromosikan warisan budaya kita. Semoga kita semua dapat terus bekerjasama dalam mencapai matlamat ini dan memastikan bahawa warisan budaya kita akan terus hidup dan berkembang dalam era globalisasi ini.
16. Dengan ini, saya sukacitanya **merasmikan Majlis Perasmian Penutupan Program Kembara Ilmu Ini Khazanah.**

Sekian, Terima Kasih.